

**Jabu Tidak Mahu Ulas Pelantikan Adenan Sebagai Ketua Menteri
Bernama
13 Feb, 2014**

KUCHING, 13 Feb (Bernama) -- Usaha media mendapatkan reaksi Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu Numpang berhubung pelantikan Tan Sri Adenan Satem sebagai Ketua Menteri baharu Sarawak buntu apabila beliau terus mengelak daripada menjawab soalan wartawan.

Timbalan Presiden I Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) itu hanya berkata: 'No comment' (tiada komen)", ketika diminta mengulas perkara itu.

Jabu ditemui semasa mengiringi Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pulang ke hotel penginapan selepas menghadiri istiadat pengurniaan darjah kebesaran negeri bersempena ulang tahun ke-92 Yang Dipertua Negeri Sarawak kepada Muhyiddin, di Astana Negeri di sini Khamis.

Sejurus kemudian, Jabu terus bergegas masuk ke dalam kereta rasminya.

Jabu daripada keturunan Iban dari Betong, telah menjadi Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Presiden PBB selama lebih tiga dekad, tidak dicalon untuk menggantikan Abdul Taib.

Sebaliknya Adenan, Menteri Pelancongan dan Pembangunan Perumahan merangkap Timbalan Presiden II PBB, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg dan Menteri Perancangan Sumber II dan Naib Presiden Kanan PBB Datuk Awang Tengah Ali Hassan yang dicalonkan.

Semalam, Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Menteri Sarawak berkuat kuasa 28 Feb ini dan akan diganti oleh Adenan yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Tanjung Datu, sebagai Ketua Menteri kelima Sarawak berkuat kuasa 1 Mac.

Pengumuman itu dibuat Abdul Taib selepas beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Adenan dijangka mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai ketua menteri baharu Sarawak pada 28 Feb ini.

Jabu mengambil pendekatan mendiamkan diri sejak Abdul Taib mengumumkan rancangan beliau untuk bersara Sabtu lalu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi PBB di ibu pejabat parti itu di sini.

Sementara itu, ketika banyak pihak menyokong pelantikan Adenan, terdapat juga pihak yang melahirkan rasa terkilan kerana Jabu yang dianggap sebagai lebih senior diketepikan.

Dalam pada itu, penyokong Abang Johari turut meluahkan rasa kecewa mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014248>